

18/11/2000

OIC terpaksa berdepan dengan Amerika selesai konflik Palestin

Mahfar Ali

SIDANG kemuncak ke-9 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha sudah pun berakhir. Kini, tumpuan diberi terhadap semua resolusi dan pernyataan bersama yang disahkan di ibu negara Qatar itu.

Apakah Deklarasi Doha akan menjadi kenyataan? Mungkin terlalu awal untuk menjawab persoalan ini, apatah lagi perkara yang diputuskan bukan sedikit tetapi membabitkan banyak isu meliputi hal ehwal politik, ekonomi hinggalah sains dan teknologi.

Ada isu itu boleh diselesaikan dalam masa singkat dan sesetengahnya memerlukan tempoh yang lebih lama. Keadaan akan menjadi lebih sukar apabila isu itu turut membabitkan kuasa besar.

Dalam soal Palestin dan konflik Arab-Israel, misalnya, OIC bukan saja terpaksa berhadapan dengan rejim Yahudi, malah Amerika Syarikat yang menjadi sekutu kuat Israel.

Ini diakui oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Menurut Perdana Menteri, bukan mudah untuk mempengaruhi atau mengubah sikap kuasa besar dan keadaan inilah yang mengheret krisis Palestin sejak lebih 30 tahun lalu.

Namun, dalam sidang kemuncak kesembilan ini, OIC memperbaharui tekad dengan mengambil pendirian yang lebih keras berhubung isu Palestin. Malah, soal Palestin dan konflik Arab-Israel menguasai perbincangan pada sidang kali ini.

Ini juga kali pertama OIC mengadakan sesi khas pada hari pembukaan sidang kemuncaknya bagi membincangkan perkembangan semasa di Timur Tengah berikutan keganasan terbaru Israel yang telah mengorbankan lebih 200 rakyat Palestin sejak lebih sebulan lalu.

Semuanya sepakat untuk mengukuhkan sokongan serta berdiri teguh bersama rakyat Palestin. Pernyataan bersama setebal 35 muka yang dikeluarkan pemimpin 56 negara Islam pada akhir sidang itu, antara lain menggesa semua anggota OIC memutuskan hubungan dengan Israel termasuk menutup pejabat perwakilan atau perdagangan sehingga rejim Yahudi itu melaksanakan semua resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkaitan isu Palestin.

Sebagai amaran terhadap Amerika Syarikat pula, OIC meminta anggotanya memutuskan hubungan dengan mana-mana negara yang memindahkan kedutaan masing-masing dari Tel Aviv ke Al Quds Al Sharif di Baitulmaqdis atau mengiktiraf kota itu sebagai ibu negara Israel.

Barangkali ramai yang meragui kesediaan anggota OIC memutuskan hubungan dengan Israel atau Amerika. Malah, ada yang mentafsirkannya sebagai retorik OIC dan bersifat simbolik saja.

Keraguan ini memang berasas. Ketika inipun Israel masih meneruskan keganasan di wilayah yang diduduki dan hampir setiap hari ada saja rakyat Palestin, termasuk kanak-kanak, dilaporkan mati ditembak tentera Yahudi.

Umum mengetahui kebanyakan negara Islam, termasuk di Arab, masih mengharap bantuan Barat, terutama Amerika. Keadaan bertambah buruk apabila negara Islam sering terbabit dalam persengketaan dan peperangan sama ada yang dicetuskan sesama saudara Islam atau pun hasil permusuhan dengan penganut agama atau etnik yang berbeza.

Ini menjadikan negara Islam lemah dan tidak mungkin dapat melawan kuasa besar. Namun, ia juga bukan suatu yang mustahil dan berkemungkinan boleh menjadi kenyataan.

Seperti kata Perdana Menteri: "Kali ini OIC lebih bersemangat, terutama berkenaan isu Palestin. Saya dapati ucapan yang dibuat begitu keras dan mereka (anggota OIC) secara terbuka mengecam Amerika Syarikat."

"Saya yakin kalau tidak ada respon kepada pendirian OIC, ramai anggota akan bertindak," katanya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, juga yakin suara OIC yang mewakili lebih satu bilion umat Islam, tidak mungkin diketepikan masyarakat dunia.

"Saya fikir Israel dan Amerika Syarikat pada akhirnya terpaksa juga mengambil kira suara OIC kerana negara yang membuat desakan ini termasuk negara yang rapat dengan Amerika dan kuasa besar lain," katanya sambil menyifatkan sidang itu sebagai berjaya.

Malah, usul meminta anggota OIC memutuskan hubungan dengan negara yang memindahkan kedutaan masing-masing dari Tel Aviv ke Al Quds, dikemukakan sendiri oleh Arab Saudi yang disebut mempunyai hubungan rapat dengan Amerika.

Qatar, selaku tuan rumah sidang kemuncak kesembilan ini, mengambil tindakan lebih awal dengan menutup pejabat dagangan Israel di Doha sebelum pertemuan itu bermula Ahad lalu.

Lebih menarik, Qatar yang sebelum ini mengecewakan Malaysia dalam persaingan menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006, memberi sokongan kuat terhadap pemilihan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah sidang kemuncak ke-10 OIC pada 2003.

Sepatutnya giliran negara di benua Afrika menjadi tuan rumah sidang kemuncak akan datang tetapi OIC membuat pengecualian dan sepakat memilih Kuala Lumpur mengendalikan mesyuarat itu.

Malah, Senegal dan Gambia yang pada awalnya menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah OIC 2003, menarik diri atas semangat permuafakatan seiring dengan tema sidang kemuncak kesembilan ini, iaitu Keamanan dan Pembangunan.

Inilah kali pertama Kuala Lumpur dipilih menganjurkan sidang kemuncak OIC sejak pertubuhan itu diwujudkan pada 1969. Pada akhir sidang kemuncak ke-10 itu nanti, Malaysia juga akan mengambil jawatan pengerusi OIC untuk tempoh tiga tahun berikutnya.

Sidang kali ini turut mencatat sejarah apabila Pakistan dan Malaysia sepakat menggilirkan jawatan penolong setiausaha agung OIC. Pakistan akan memegang jawatan itu selama dua tahun dan selepas itu Malaysia akan mengambil alih.

Selain itu, pertemuan di Doha menyaksikan penyertaan pertama kerajaan Taliban sejak keanggotaan Afghanistan digantung pada 1996 berikutan rampasan kuasa di negara itu.

Tidak kurang penting, sidang kali turut berjaya membuka semula ruang untuk membawa Iraq dan Kuwait ke meja rundingan bagi menamatkan krisis kedua-dua negara berkenaan yang tercetus sejak Perang Teluk pada 1990.

OIC juga membuat keputusan meminta PBB mengadakan dialog dengan Iraq bagi menyelesaikan masalah sekatan ekonomi yang dikenakan terhadap negara itu sejak lebih 10 tahun lalu.

Selain itu, sidang kemuncak kesembilan ini menerima usul Malaysia berhubung penyusunan semula OIC. Usul itu dikemukakan pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC (ICFM) di Kuala Lumpur, Jun lalu, dan diterima semula serta dimasukkan dalam resolusi sidang kemuncak ini.

OIC juga akan melantik perunding bagi melakukan pembaharuan itu agar pertubuhan berkenaan benar-benar mampu mengharungi cabaran lebih besar pada alaf baru dan menjadi suara terkuat mewakili lebih satu bilion umat Islam.

(END)